



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

850 KAKI PERSEGI UNTUK SETIAP UNIT KEDIAMAN PROGRAM PEMBANGUNAN SEMULA TAMAN IKAN EMAS, KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR, 25 Mac 2018 – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini menyerahkan surat tawaran pembelian rumah bagi projek pembangunan semula Taman Ikan Emas, Kuala Lumpur. Penyerahan surat tawaran ini melibatkan seramai 1,638 orang yang terdiri daripada penduduk Perumahan Awam Sri Pulau Pinang, Taman Ikan Emas (DHA) dan Seri Melaka 4G.

Projek Pembangunan Semula Taman Ikan Emas ini melibatkan kawasan seluas 144.25 ekar merangkumi Perumahan Awam Sri Johor, Sri Pulau Pinang, Sri Melaka dan Taman Ikan Emas yang mempunyai 5,689 unit kediaman, kedai, pejabat, tadika, surau, dewan dan pasar terbuka. Unit-unit kedai sedia ada akan diganti menerusi prinsip one-to-one. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 4,794 unit rumah adalah milik DBKL (penyewa) manakala 895 unit lagi adalah pemilik (unit yang telah dibeli).

Setiap satu unit rumah gantian adalah berkeluasan 850 kaki persegi yang mempunyai 3 bilik tidur dan 2 bilik mandi beserta 1 petak letak kereta. Keluasan asal rumah gantian adalah 800 kaki persegi seperti persetujuan penduduk pada tahun 2013.

Kesukaran pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam mendapatkan persetujuan 100% daripada pemilik unit menyebabkan pelaksanaan program pembangunan semula ini tertangguh. Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL telah mengambil pelbagai inisiatif untuk mengadakan sesi perjumpaan bersama penduduk sejak 2011. Inisiatif ini di ambil bagi mencari jalan penyelesaian terbaik untuk rakyat, selain memberi impak ekonomi yang positif kepada masyarakat setempat.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah Persekutuan